

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 28/12/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 4



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tiga dari kanan) bersama Suraya Yaakob (dua dari kanan) selepas merasmikan Solar Farm milik Angkasa di Titi Akar, Sungai Tiang, Pendang, Kedah, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Angkasa bangun ladang solar

PENDANG 27 Dis. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Berhad (Angkasa) mengorak langkah menjana pendapatan melalui projek ladang tenaga solar bernilai RM9.7 juta di Kampung Titi Akar, Sungai Tiang di sini.

Projek perintis bagi kawasan utara itu dibangunkan sejak Oktober lalu di kawasan seluas 1.21 hektar dan bakal digunakan dalam masa terdekat ini.

Projek Angkasa bersama anak syarikatnya, MyAngkasa Holding Sdn. Bhd. (MyAngkasa) itu dibangunkan dengan pembinaan infrastruktur solar berkeupayaan satu megawatt (MW) sejam yang mampu menampung penggunaan tenaga kepada hampir keseluruhan penduduk Sungai Tiang yang berjumlah 12,000 orang.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, projek yang dijadual beroperasi pada 31 Disember ini akan memberi manfaat besar kepada penduduk

setempat untuk keselesaan mereka.

“Tenaga solar yang dihasilkan ini akan dijual dengan harga 97 sen bagi satu per kilowatt-jam (KWj) yang melibatkan perolehan hasil sebanyak RM1 juta setahun.

“Malah, pelbagai aktiviti pertanian yang akan turut dirancang di bawah panel solar berketinggian 2.13 meter itu diyakini akan memberi pendapatan sampingan kepada penduduk terlibat,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan lawatan tapak projek ladang tenaga solar itu di kampung itu hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Pertanian dan Asas Tani, Pembangunan Usahawan, Kebajikan Wanita negeri, Datuk Suraya Yaacob serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MyAngkasa, Sharuddin Mohamed.

Perpustakaan Koperasi Malaysia